	Sandakan	
3.	Pusat Inkubator Pembangunan Kandungan Kreatif di Sabah	19.0
4.	Kajian Pelan Induk untuk Hab Penerbangan dan Logistik Fret Udara di Sabah	2.5
5.	Kelompok Industri Berasaskan Kelapa Sawit, Lahad Datu	618.0
6.	Kelompok Industri Berasaskan Kelapa Sawit, Sandakan	96.6
7.	Cadangan Perumahan Rakyat di Kampung Gusi	122.6
8.	Pembinaan Blok dan Kompleks 50 Inkubator di Sabah Agro-Industrial Presint	94.0
9.	Pengindahan Persekitaran Pusat Bandar Kota Kinabalu	70.0
10.	Pembinaan Jalan Tongod Pinangah	60.0

RT01/16

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : **DATUK SAPAWI BIN HAJI AMAT WASALI@AHMAD [SIPITANG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Sapawi Bin Haji Amat Wasali @ Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan sekolah daif di Sabah dan Sarawak yang sudah dinaik taraf atau diperbaiki setakat akhir tahun 2016, dan apakah sasaran dan jumlah peruntukan disediakan bagi tahun 2017.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menaik taraf dan membaik pulih bangunan sekolah yang daif di semua negeri termasuk negeri Sabah dan Sarawak, terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman bagi memastikan akses pendidikan kepada semua murid

Bagi tahun 2017 sebanyak 60 buah sekolah daif akan dibangunkan semula di kedua-dua negeri iaitu 30 buah sekolah di Sabah dan 30 buah sekolah di Sarawak. Dua skop kerja bagi pemulihan sekolah daif akan dilaksanakan iaitu pembangunan semula sekolah daif dan baik pulih sekolah.

Di Negeri Sabah, 51 projek baik pulih sekolah daif telah dilaksanakan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri. Manakala bagi negeri Sarawak, 110 projek baik pulih sekolah daif juga telah dilaksanakan oleh ICU, JPM. Bagi skop pembangunan semula sekolah daif, lapan (8) projek telah siap dilaksanakan di negeri Sarawak.

KPM juga telah melaksanakan pembinaan semula 20 buah sekolah daif di Sarawak pada tahun 2016. Sebanyak 109 buah sekolah turut dibaik pulih oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri menggunakan peruntukan KPM pada tahun 2016. Manakala sehingga 26 Februari 2017, pembaikan sekolah daif telah siap dilaksanakan ke atas 51 buah sekolah yang melibatkan skop baik pulih di negeri Sabah.